

Dron banyak bantu pesawah

Oleh: Nor Izzaty Tarmuji

SEKINCHAN: Penggunaan dron kini meluas digunakan di dalam bidang pertanian untuk mengurangkan penyakit padi dan meningkatkan hasil tanaman padi.

Dron merupakan alat tanpa pemandu digunakan dalam bidang pertanian yang berfungsi untuk meracun, membaja dan pemetaan sudah bermula sejak 2015 di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak dalam pelbagai sektor pertanian.

Pegawai Pertanian Mohd Ajis Mohamad berkata, dron digunakan untuk memudahkan petani daripada segi menjimatkan banyak kos, masa, tenaga dan petani juga tidak mudah terdedah kepada bahan racun serta padi tidak mudah terkena penyakit.



Teknologi dron yang berharga RM70, 000 digunakan untuk menyembur racun dan baja

“Penggunaan tenaga buruh memerlukan 2 jam untuk satu hektar manakala satu hari meliputi 2-3 hektar sahaja. Penggunaan dron pula hanya mengambil masa 20 minit dan 20-30 hektar sawah padi boleh disiapkan dalam masa satu hari.

“Dron berkenaan dapat dioperasikan secara automatik dengan menekan satu butang sahaja. Apabila kehabisan racun, dron akan balik secara automatik kepada pengendali dan ia akan kembali ke lokasi terakhir ia berhenti dan akan mula meracun semula” katanya.

Mohd Ajis Mohamad berkata, berat yang dibenarkan tidak melebihi 20 kilogram termasuk bahan dan ketinggian yang dibenarkan tidak melebihi 400 kaki atau 120 meter yang ditetapkan dalam peraturan penerbangan awam 2016 dan dibawah sistem kawal tanpa pemandu.

Jenis dron yang digunakan ialah DJI AGRAS T16 dianggarkan berharga RM70, 000 seunit, mampu untuk melakukan kerja semburan dan baja dalam satu-satu masa.

Sementara itu, pesawah Mohd Syahmi Farhan Ridzuan berkata, idea mencipta dron yang diambil dari internet bertujuan untuk membantu petani yang kebanyakannya sudah semakin tua dan tidak larat untuk melakukan kerja-kerja berat.



Mohd Syahmi menuang racun ke dalam dron sebelum menyambung semula kerja penyemburan

“Manusia akan menyebarkan penyakit kepada padi yang menyebabkan padi mudah rosak dan tidak berkualiti. Penggunaan secara manual juga menyebabkan kawasan padi akan berlorong”.

“Musim pertama kami boleh dapatkan sekitar 10-20 keping tanah bersamaan 30-60 hektar sehari jika untuk musim kedua agak terhad disebabkan hujan. Jadi, kami boleh dapatkan 7-10 keping tanah bersamaan 21-30 hektar” jelasnya yang sudah berpengalaman mengendalikan dron sejak 3 tahun yang lalu.